



**KENYATAAN MEDIA
MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR**

**JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI JOHOR GANTUNG LESEN KILANG
KELAPA SAWIT SEBABKAN PENCEMARAN SUNGAI SUNGAI
SEMBRONG KIRI DI KLUANG, JOHOR**

KLUANG - Pada 13 Oktober 2020, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Cawangan Kluang telah menerima aduan mengenai pencemaran air Sungai Sembrong Kiri yang menyebabkan air bertukar warna menjadi kehitaman. Pencemaran tersebut turut mengakibatkan penutupan loji Sembrong Timur dan menjadi punca kepada gangguan bekalan air kepada penduduk persekitaran selama beberapa jam. Pada masa ini loji telah beroperasi sepenuhnya

Siasatan lanjut mendapati bahawa benteng pada kolam tadahan sebuah kilang kelapa sawit telah pecah dan JAS Cawangan Kluang telah mengeluarkan arahan supaya operasi kilang dihentikan serta merta. Kilang kelapa sawit tersebut telah dikenakan tindakan gantung operasi selama 3 bulan dari tarikh 14 Oktober 2020 hingga 14 Januari 2021 kerana kegagalan pihak kilang mematuhi syarat-syarat lesen sepenuhnya terutamanya kegagalan untuk memastikan kolam-kolam pengolahan dibenteng dengan sempurna dan berfungsi dengan baik.

JAS Negeri Johor juga telah mengeluarkan Notis Arahan supaya pihak kilang segera menjalankan kerja-kerja pembaikan bagi mengelakkan air dari kolam tadahan dapat dikawal daripada terus melimpah ke Sungai Sembrong Kiri. Lesen hanya akan diserahkan semula jika JAS berpuas hati dengan kerja-kerja pembaikan yang dilaksanakan.

KASA ingin merakamkan penghargaan kepada orang awam yang melaporkan mengenai kejadian ini dan sebarang aduan pencemaran hendaklah dilaporkan terus ke talian bebas tol JAS di 1-800-88-2727 atau email ke aduan_k@doe.gov.my dan melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

- TAMAT -

YB DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN

Menteri Alam Sekitar dan Air

Putrajaya

15 Oktober 2020

UNTUK SIARAN SERTA MERTA – 15 OKTOBER 2020

Gambar-gambar pencemaran di Sungai Sembrong Kiri



Limpahan efluen tidak terawat daripada kolam ke kawasan ladang kelapa sawit



Pandangan jarak jauh benteng pecah yang telah dibaiki

UNTUK SIARAN SERTA MERTA – 15 OKTOBER 2020



Benteng pecah yang telah dibaiki